

Kaji sebab 16% projek gagal siap – Abdullah

UM - 24/1/2006

PUTRAJAYA 23 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) menjalankan kajian bagi mengenal pasti faktor menyebabkan 16 peratus projek gagal disiapkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Menurut Perdana Menteri, kajian itu boleh dilakukan dengan melihat prestasi ICU dalam menjalankan pemantauan dan penyelaras terhadap projek-projek yang dilaksanakan oleh kementerian.

“Daripada RM170 bilion peruntukan di bawah RMK-8 itu, sebanyak 94 peratus perbelanjaan telah digunakan oleh kementerian dan agensi kerajaan, namun hanya 84 peratus projek telah berjaya disiapkan.

“Jadi ICU perlu mengadakan analisis kenapa 16 peratus projek lagi gagal dilaksanakan, adakah ia disebabkan oleh faktor bencana atau faktor manusia itu sendiri,” katanya ketika berucap pada majlis makan malam ICU JPM di Dewan Seri Endon, Puspanitapuri, di sini malam tadi.

Hasil kajian itu, kata beliau diharapkan dapat membantu supaya masalah yang sama tidak akan berulang pada tahun ini.

Menyentuh mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pula, Abdullah berkata, ketika ini pihaknya telah selesai peringkat pertama dan akan menyambung penelitian peringkat kedua dengan melihat kepada semua pandangan dan komen yang diberikan sebelum ini.

Jelasnya, dalam perancangan RMK-9 ini, semua perkara akan diambil kira kerana RMK-9 merupakan satu usaha kerajaan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

“Setelah RMK-9 dibentangkan di Parlimen, saya sendiri akan turun padang untuk melihat proses pelaksanaannya di peringkat agensi, kementerian dan kerajaan negeri.

“Saya juga akan membuat lawatan yang lebih kerap dan mana-mana projek yang ada hubung kait dengan membasmi kemiskinan akan diberikan perhatian. Usaha itu perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh bagi mencapai matlamat yang ditetapkan itu,” katanya.



ABDULLAH Ahmad Badawi menyampaikan Anugerah Terbaik Pemantauan Projek 2005 Jabatan Perdana Menteri (JPM) kepada Timbalan Ketua Setiausaha JPM, Abu Bakar Abdullah (kanan) pada majlis Malam Unit Penyelaras Pelaksanaan JPM di Putrajaya, malam tadi. Turut kelihatan Ketua Pengarah ICU, Datuk Seri Khalid Ramli.

– Gambar **ABDUL NAZIR MOHAMED**